

RINGKASAN EKSEKUTIF

TAJUK	:	Permohonan menjalankan kerja-kerja sebut harga dan mendapatkan kelulusan dari pihak berwajib bagi projek-projek kecemasan peruntukan khas mengurus 2020 bagi: 1) Pelantikan perunding dan ubahsuai bilik grafik dan tambahan bilik perbincangan di Galeri Blok Inovasi; 2) Melantik perunding geoteknik dan struktur, menambahbaik struktur tanah, baiki longkang saliran, mengecat bangunan dan membina pagar baharu di Kompleks MPC Sarawak; 3) Membina kolam takungan dan membaiki longkang saliran di MPC Wilayah Utara; dan 4) Pendawaian semula di seluruh Kompleks MPC Wilayah Selatan dan membaiki pagar.
TEMPOH PELAKSANAAN	:	Ogos – Disember 2020
JANGKAAN	:	Kerja-kerja kecemasan di keempat-empat lokasi dapat disiapkan pada penghujung 2020
OBJEKTIF PROJEK	:	i. Zon merah di Blok Inovasi dapat diserahkan kepada MPC oleh MRCB dengan segera; ii. Keretakan bangunan di MPC Sarawak berpunca dari isu tanah mendap dapat diselesaikan; iii. Banjir kilat di MPC Wilayah Utara tidak berulang dan menjamin keselesaan ; iv. Bekalan elektrik yang kerap terputus di MPC Wilayah Selatan dapat diselesaikan;
KOSYANG TERLIBAT /PERUNTUKAN	:	RM 3,196,900
BAJET	:	Mengurus Khas Kecemasan 2020 (Menunggu Kelulusan MITI/MOF)
ULASAN		Atas nasihat MOF, MPC boleh meneruskan proses sebut harga sementara mendapatkan kelulusan bajet.

Menjalankan Proses Sebut Harga dan Mendapatkan Kelulusan dari Pihak Berwajib bagi Projek Khas Kecemasan 2020 di Blok Inovasi (IbuPejabat), MPC Sarawak, MPC Wilayah Utara dan MPC Wilayah Selatan

1.0 PENDAHULUAN

Projek-projek kecemasan fizikal bernilai RM 3,196,900 ini adalah menggunakan peruntukan khas dari MITI/MOF. MPC telah diberi maklumbalas saluran ini akan dibuat pada tahun ini dan perlu digunakan pada tahun ini juga.

2.0 LATAR BELAKANG

MPC telah membuat permohonan peruntukan tambahan kepada KSU MITI pada 8 Julai 2020 bagi menampung keperluan pembelanjaan Mengurus tahun 2020 iaitu sebanyak RM7,381,106 dan peruntukan khas sebanyak RM3,196,900 bagi menjalankan kerja-kerja kecemasan termasuklah pembaikan & penyelenggaraan di Ibupejabat MPC dan pejabat-pejabat MPC wilayah.

Pihak MITI dan MOF telah bersetuju untuk menyalurkan peruntukan khas kecemasan cuma perlu melalui proses pentadbiran yang akan mengambil masa sebulan. Pihak MOF En. Ruhairi telah mencadangkan MPC menjalankan kerja-kerja yang melibatkan kelulusan dari pihak berwajib dan berjalan proses sebut harga lebih awal. Setelah surat kelulusan secara rasmi telah diperolehi, maka MPC boleh mengeluarkan Surat Setuju Terima kepada pembekal yang layak. Cara ini dapat menjimatkan masa.

Selain itu, pihak MPC juga telah mengadakan dua (2) sesi pertemuan dengan Pn. Mulyati Afiza Mutalib dari Bahagian Kewangan, MITI dan En. Ruhairi Ramli, dari Pejabat Belanjawan Negara, MOF bagi membincangkan isu berkaitan pembaikan & penyelenggaraan bangunan MPC. Pihak MOF dan MITI telah melawat Blok Inovasi, MPC Wilayah Utara dan MPC Sarawak telah membuat sesi lawatan tapak bagi meninjau dan menilai keperluan mendesak ini bersama wakil-wakil MSF.

3.0 OBJEKTIF

- i. Zon merah di Blok Inovasi dapat diserahkan kepada MPC oleh MRCB dengan segera;
- ii. Keretakan bangunan di MPC Sarawak berpunca dari isu tanah mendap dapat diselesaikan;
- iii. Banjir kilat di MPC Wilayah Utara tidak berulang dan menjamin keselesaan; dan
- iv. Bekalan elektrik yang kerap terputus di MPC Wilayah Selatan dapat diselesaikan;

3.0 LOKASI, PERINCIAN KOS PROJEK

Sila rujuk Lampiran 1

4.0 SYOR

MSF memohon kelulusan dari pihak pengurusan membenarkan semula pejabat yang terlibat dengan projek kecemasan ini membuat proses sebut harga, mendapatkan kelulusan dari pihak berwajib sekiranya tidak melibatkan kos. Tawaran Setuju Terima akan hanya dilakukan sekiranya pengesahan penyaluran peruntukan telah diterima dari pihak MITI/MOF.

Disediakan oleh:

Disemak oleh:

NORAZLINA TUN IBRAHIM
Pengurus
MSF

MAHADI HASBULLAH
Pengurus Kanan
MSF

JUSTIFIKASI BAGI PERMOHONAN PERUNTUKAN TAMBAHAN KHAS:
KERJA-KERJA KECEMASAN

BIL.	LOKASI & JUSTIFIKASI	PERKARA	KOS
1.	Ibu Pejabat (Blok Inovasi) Kerosakan struktur bangunan dan infrastuktur sekeliling bangunan MPC Ibupejabat adalah disebabkan oleh pembangunan PJ Sentral yang dimajukan oleh MRCB. Kerosakan fizikal ini telah berlanjutan ke tahun ke-4 dari 2016. <u>Ruang di aras bawah (zon merah - kritikal) blok Inovasi masih lagi tidak boleh digunakan kerana belum diserahkan</u> kepada MPC oleh MRCB. MPC juga telah <u>menutup Pejabat di Bangunan PJ8 pada 31 Ogos</u> dan memerlukan lebih banyak bilik-bilik perbincangan. Membaikpulih bilik grafik (zon kuning – selamat, tetapi perlu baikpulih) amat diperlukan bagi kegunaan pentadbiran serta mengelakkan kerosakan harta benda kebajikan lain akibat lelehan air bawah tanah menyerap masuk ke dinding bawah blok Inovasi. MPC memohon peruntukan bagi: • melantik perunding bebas yang bertaualiah bagi memantau kerja-kerja baikpulih dan mengeluarkan laporan tanpa menyebelahi pihak pemaju PJ Sentral. • membaikpulih bilik grafik bagi menambah ruang bahagian pentadbiran yang dimasukki air bawah tanah melalui dinding yang juga menyebabkan lelehan air merebak ke bahagian Perolehan. • Menambah 3 bilik perbincangan tambahan di ruang Galeri di aras 1 Blok Inovasi.	Melantik perunding pihak ketiga bagi pihak MPC Ibupejabat untuk memantau kerja baikpulih dijalankan oleh Pemaju MRCB serta membaiki bilik grafik dan menambah bilik perbincangan	
		1. Melantik perunding juruukur bangunan	100,050
		2. Melantik jurutera struktur bangunan	246,540
		3. Menambah 3 bilik perbincangan di ruang galeri	95,500
		4. Membaikpulih bilik grafik	100,000
		Jumlah	542,090

BIL.	LOKASI & JUSTIFIKASI	PERKARA	KOS
2.	MPC Sarawak Tanah di MPC Sarawak yang mendap telah menyebabkan struktur bangunan MPC Sarawak bergerak dan mengakibatkan keretakan kepada struktur bangunan dan telah meruntuhkan pagar MPC. <u>Pemendapan tanah telah menyebabkan aktiviti <i>teambuilding</i> tidak lagi boleh dilaksanakan.</u> Atas faktor keselamatan pelanggan MPC semua <u>program <i>teambuilding</i> telah dibekukan sehingga keadaan selamat.</u> MPC memohon peruntukan bagi: • melantik perunding geoteknik dan jurutera struktur bagi merekabentuk saluran bawah tanah • membaikpulih struktur tanah dengan dengan <i>open field drainage systems</i> (fish bone) • membaiki longkang saluran dan keretakan bangunan • membina semula struktur pagar MPC dan memasang pagar <i>anti-theft</i> • mengecat semula bangunan setelah kerja-kerja pemulihan bangunan selesai	Membaikpulih dan merata struktur tanah, memperbaiki keretakan bangunan dan membina semula pagar	
		1. Melantik perunding geoteknik dan jurutera struktur	74,406.00
		2. Membaikpulih struktur tanah berserta dengan open field drainage systems (fish bone)	823,552.00
		3. Membaiki saluran longkang dan keretakan bangunan	287,500.00
		4. Membinasemula struktur pagar MPC dan memasang pagar <i>anti-theft</i>	727,692.00
		5. Mengecat semula Bangunan	49,000.00
		Jumlah	1,962,150

BIL.	LOKASI & JUSTIFIKASI	PERKARA	KOS
3.	MPC Wilayah Utara MPC Wilayah Utara telah mengalami <u>banjir kilat</u> sebanyak 3 kali tahun 2019 dan 2020. Pembangunan di sekeliling MPC Wilayah Utara telah menyebabkan pejabat MPC Wilayah Utara berada dikedudukan paling rendah. Banjir kilat ini telah mengakibatkan <u>MPC terpaksa menanggung kos kerugian dan menjejaskan pendapatan sewaan bilik latihan, asrama dan dewan.</u> Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menyarankan MPC membina <u>takungan air</u> bagi mengelakkan berlakunya banjir kilat berulang. MPC memohon peruntukan bagi: • membina kolam takungan bersaiz 100' x 100' dengan kedalaman 8' • membaiki longkang saliran • memasang pam air • membina pagar keselamatan	Membina kolam takungan bagi menangani banjir kilat	
		1. Membina kolam takungan	28,920
		2. Membaiki longkang saliran	54,825
		3. Memasang pam air	190,000
		4. Membina pagar keselamatan	11,255
		Jumlah	285,000
4.	MPC Wilayah Selatan MPC Wilayah Selatan telah mengalami <u>gangguan bekalan elektrik sebanyak tiga (3) kali.</u> Situasi ini menyebabkan MPC Wilayah Selatan ini tidak lagi mampu membekal tenaga elektrik pada kapasiti 100% penggunaan bilik latihan, asrama dan dewan secara serentak. Kompleks ini juga <u>pernah dicerobohi kerana pagar keselamatan yang usang.</u> Implikasi ini telah menjejaskan minat pelanggan untuk menyewa bangunan MPC yang	Pendawaian semula Kompleks SRO serta membaiki pagar yang rosak	
		1. Melantik Perunding Projek	45,000
		2. Pendawaian semula blok asrama	404,910

BIL.	LOKASI & JUSTIFIKASI	PERKARA	KOS
	kerap terputus bekalan dan tidak selamat sekaligus menjejaskan pendapatan sewaan. MPC memohon peruntukan bagi: • Melantik Perunding Projek • membuat pendawaian semula ○ blok latihan ○ blok asrama ○ dewan • membaiki pagar	3. Pendawaian dewan	
		4. Membaiki pagar	
		Jumlah	449,910